

**PENILAIAN KEATAS KEPERLUAN MODAL MINIMUM UNTUK
PEMBANGUNAN USAHAWAN ASNAF DARIPADA BANTUAN MODAL
ZAKAT**

**AN EVALUATION ON MINIMUM CAPITAL REQUIREMENT FOR ASNAF ENTREPRENEUR
DEVELOPMENT FROM CAPITAL SUPPORT OF ZAKAT**

SANEP AHMAD, ANIZA HUSSIN DAN ROSBI ABDUL RAHMAN

ABSTRAK

Baitulmal memberi agihan zakat dalam bentuk modal untuk menjadikan asnaf sebagai usahawan dengan tujuan mengeluarkan mereka daripada asnaf miskin. Malangnya kebanyakan penerima bantuan mengalami kegagalan dalam perusahaan dan gagal keluar daripada asnaf. Antara alasan utama diberi ialah modal diberi tidak mencukupi. Persoalannya ialah adakah benar jumlah modal diberikan tidak mencukupi dan adakah benar ia menjadi punca utama kegagalan asnaf. Sehubungan itu kajian ini cuba meneliti prosedur baitulmal menentukan jumlah bantuan modal, menilai sejauh mana jumlah modal membawa kesan kepada kegagalan atau kejayaan perniagaan dan seterusnya mencadangkan kaedah untuk menentukan jumlah modal minimum. Kajian mendapati bahawa baitulmal tidak mempunyai prosedur khusus menentukan jumlah bantuan modal zakat dan jumlah bantuan ditentukan secara *ad-hoc*. Program usahawan juga didapati mengalami kadar kegagalan yang tinggi. Satu prosedur khusus dicadangkan bagi menentukan jumlah bantuan modal zakat berdasarkan konsep Keperluan Modal Minimum yang lazim digunakan oleh institusi perbankan. Memandangkan kaedah ini adalah cadangan awalan maka ia memerlukan penelitian yang lebih terperinci untuk dapat diaplikasikan di masa hadapan

Kata Kunci: Keperluan modal minimum, pembangunan usahawan, bantuan modal zakat, usahawan asnaf, baitulmal.

ABSTRACT

Baitulmal distributes the zakat in the form of capital to make the asnaf as an entrepreneur with the intention to pull them out of the group of poor asnaf. Unfortunately, most of the recipients have failed in the company and failed to exit from the group of asnaf. Among the main reasons given is insufficient capital. The question is whether the amount of capital provided is insufficient, which lead to the main cause of failure among asnaf. Therefore this study attempts to examine the procedures applied by baitulmal in determining the amount of capital, to assess how far the amount of capital may lead to the failure or success of the business and further suggest the methods for determining the amount of minimum capital. The results show that the baitulmal does not have any specific procedure in determining the amount of zakat capital support and amount of support is determined on an *ad-hoc*. Entrepreneurs program have also showed a high rate of failure. A special procedure is proposed in determining the amount of zakat capital support based on the concept of minimum capital requirements that are commonly used by banking institutions. Since this concept is just an initial proposal, hence a more detailed study is required in order to be applied in future.

Keywords: minimum capital requirements, development of entrepreneurs, zakat capital support, asnaf entrepreneur, baitulmal

PENGENALAN

Zakat merupakan satu pendekatan dalam Islam yang digunakan untuk merapatkan jurang ekonomi di antara golongan miskin dan golongan kaya. Melalui kutipan zakat yang telah ditetapkan ia membolehkan

golongan asnaf termasuklah fakir dan miskin untuk meneruskan kehidupan yang lebih baik. Kaedah pengagihan zakat ini telah dilaksanakan sejak di zaman Rasulullah s.a.w sama ada pengagihan dalam bentuk wang, barangan, manfaat dan modal kepada asnaf yang memerlukan. Proses pengagihan zakat kepada golongan asnaf yang telah ditetapkan, termasuklah asnaf fakir dan miskin ini turut diteruskan dari zaman Khulafak al-Rashidin, zaman Umaiyah, zaman Abasiyah sehingga kini. Kesenambungan dalam pengagihan zakat ini juga diteruskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menerusi bahagian Baitulmal yang berperanan dan bertanggungjawab dari segi mengagihkan wang zakat yang diterima kepada golongan asnaf yang layak.

Baitulmal berperanan dan bertanggungjawab dalam pengagihan wang zakat yang telah dikutip dan menyalurkan semula wang tersebut kepada lapan golongan asnaf yang layak menerimanya. Antara golongan asnaf tersebut termasuklah asnaf fakir dan miskin. Pengagihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin ini bermatlamat untuk meningkatkan taraf hidup dan kedudukan sosio ekonomi bagi mengelakkan golongan ini hidup dalam kedaifan. Baitulmal turut menyediakan bantuan zakat yang berbentuk skim bantuan perniagaan kepada asnaf fakir dan miskin yang menunjukkan minat dan kemahiran perniagaan bagi meletakkan diri mereka dalam bidang keusahawanan. Bantuan produktif ini adalah bantuan yang berbentuk agihan modal tunai ataupun bantuan berbentuk peralatan yang sesuai dengan jenis perniagaan yang telah dipilih oleh usahawan tersebut. Anjakan paradigma golongan asnaf fakir dan miskin ke dalam bidang keusahawanan ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud “sembilan per sepuluh daripada rezeki itu datangnya daripada perniagaan” (Hadis riwayat Tirmizi).

ISU DAN OBJEKTIF KAJIAN

Penglibatan dalam aspek keusahawan kepada golongan asnaf fakir dan miskin merupakan satu cabaran dan tamparan yang hebat dalam persekitaran perniagaan. Namun demikian bagi memberikan motivasi kepada golongan ini agensi-agensi zakat yang terlibat seperti Baitulmal telah memberikan bantuan dana berbentuk modal untuk menampung masalah kewangan yang dihadapi mereka. Persoalannya sejauhmanakah perniagaan yang telah diberikan suntikan modal ini dapat membantu mereka berjaya untuk bertapak dengan kukuh di dalam persekitaran perniagaan yang saling bersaing. Namun begitu dalam senario yang sebenar masih wujud kegagalan dalam perniagaan tersebut yang masih mengutarakan masalah berpunca dari kekurangan modal untuk meneruskan perniagaan tersebut untuk dapat bertapak dan mampu bersaing dalam bidang perniagaan yang telah diceburi oleh golongan asnaf fakir dan miskin ini.

Permasalahan ini perlu dihalusi dan amat menarik untuk dikaji dengan menggunakan satu ukuran yang lebih menyeluruh bagi mengukur satu penetapan keperluan modal minimum kepada golongan asnaf fakir dan miskin ini. Kajian ini amat penting kepada agensi yang akan memberikan suntikan modal kepada golongan asnaf fakir dan miskin yang akan memulakan perniagaan bertepatan dengan jenis perniagaan yang telah dipilih oleh mereka. Ini bertujuan untuk membantu golongan asnaf fakir dan miskin meneruskan perniagaan serta dapat bertapak dalam bidang perniagaan yang telah dipilih dan seterusnya terkeluar dari golongan asnaf serta menjadi individu muslim yang wajib membayar zakat. Ini bermakna satu ketetapan ataupun garis panduan yang sebenar adalah perlu dalam memperuntukkan keperluan modal yang minimum selari dengan jenis perniagaan yang telah dipilih oleh usahawan asnaf fakir dan miskin.

Sehubungan dengan itu objektif kajian ini adalah untuk mengkaji berapakah suntikan modal perniagaan yang menjadi teras kepada keperluan modal minimum yang patut diberikan kepada golongan asnaf fakir dan miskin yang ingin memulakan perniagaan mereka bertepatan dengan jenis perniagaan yang telah dipilih. Suntikan modal yang mencukupi ini membolehkan perniagaan ini dapat bertapak dan bersaing dalam perniagaan yang telah dipilih oleh mereka.

KAJIAN LEPAS TENTANG BANTUAN MODAL

Institusi kewangan Islam khususnya institusi baitulmal sememangnya mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu golongan miskin memperbaiki hidup terutama sekali dalam membasmi kemiskinan (Zarqa 1988; Ahmed 2003, Sidiqqi 2004). Berbagai usaha perlu diberikan bagi menambahkan taraf hidup mereka. Lanjutan dari peranan ini antara cadangan diberikan ialah agar institusi kewangan Islam mengaplikasikan sumber zakat dan sadaqah bersama wakaf (Kahf 2004; Ahmed 2003; Khan M A &

Shirazi S N, 2007) dalam bentuk bantuan modal. Kaedah bagi mengaplikasikan konsep bantuan modal boleh dilakukan berasaskan konsep ar-Rahnu, wakaf, dan kredit berbentuk bantuan percuma.

Kaedah pemberian bantuan dalam bentuk modal sememangnya dibenarkan oleh syarak. Pengagihan bantuan modal zakat yang produktif seperti penyediaan modal kerja sebenarnya telah diperbahaskan di zaman ulamak terdahulu sama ada di kalangan Mazhab Syafi'e ataupun Hambali lagi. Di mana para fuqaha berpendapat sesuatu agihan yang telah diserahkan kepada golongan asnaf yang terlibat mempunyai pemilikan yang sempurna dan mereka adalah bebas untuk menggunakan bantuan tersebut. Dr. Mujaini Tarimin (2009) telah mengkaji persepakatan para fuqaha daripada Mazhab Syafi'e dan Hambali boleh diamalkan kerana mengharuskan golongan yang telah menerima bantuan melaksanakan satu pelaburan harta yang telah menjadi hak milik sempurna mereka.

Namun demikian perkara yang diperbahaskan dalam perkara ini ialah berkenaan dengan jumlah bantuan yang perlu diberikan. Walaupun Fiqh telah memberi garis panduan dalam bantuan sara hidup iaitu bantuan sara hidup perlu mencukupi keperluan harian asnaf tetapi ia tidak menentukan garis panduan khusus berkenaan jumlah modal yang perlu diberikan. Namun panduan umum yang digunakan dalam hal ini ialah bantuan modal perlu mencukupi untuk asnaf membina hidup baru dalam menampung keperluan kehidupan secara berterusan. Ini bermakna modal yang diberikan perlu mencukupi dalam menjamin kelangsungan kegiatan ekonomi yang dilakukan. Ini bermakna jumlah modal yang diberi perlu berbeza mengikut kegiatan ekonomi yang akan diceburi dan yang lebih penting ialah jumlah tersebut perlu mencukupi dan dapat memastikan kelangsungan usaha yang diceburi.

Prinsip ini amat bertepatan dengan pandangan dan saranan ulama' terdahulu dalam pemberian modal. Nukilan yang telah diutarakan oleh Imam an-Nawawi di mana beliau menghuraikan bahawa;

“اعطاء الفقراء والمساكين من اموال الزكاة لاستثمارها فيعطى من يحسن الكسب بحرفة ما آلتها بحيث يحصل له من ربحها ما يفي بكفايته غالباً. فان كان تاجراً اعطى ما يشتري به آلات التجارة سواء كانت قيمتها قليلة او كثيرة بحيث تفي غلتها بكفايته. وان كان تاجراً اعطى رأس مال يفي ربحه بكفايته ويراعي في مقدار رأس المال نوع التجارة التي يحسنها. وقد مثلوا بما يلي: البقل يفيه خمسة دراهم والبقلاني يفيه عشرة والفاكهاني يفيه عشرون والبخاري يفيه الف والبزاري يفيه خمسة آلاف والجوهري عشرة آلاف. وان كان لا يحسن الكسب ولا يقوى على العمل كالمريض بمرض مزمن يعطى ما يشتري به عقاراً يشتغله بحيث تفي غلته حاجته فيمكنه ويورث عنه ويراعي في العقار عمر الفقير الغالب وعدد عياله”

“Fakir dan miskin harus mendapat agihan zakat dalam bentuk modal pelaburan seperti dibelikan alat-alat mengikut kemahiran masing-masing supaya mereka boleh mendapat keuntungan demi memenuhi keperluan harian mereka. Jika golongan fakir dan miskin merupakan seorang tukang kayu, agihan itu harus digunakan untuk membeli alat-alat pertukangan selengkapnya. Jika ia seorang peniaga, berikanlah modal secukupnya bersesuaian dengan perniagaan yang mereka ceburi. Contohnya, peniaga sayur-sayuran dan buah-buahan memerlukan memerlukan sebanyak lima hingga dua puluh dinar. Penjual minyak wangi satu ribu dinar, penjual pakaian dua ribu dinar, pengurup wang lima ribu dinar dan perniagaan intan berlian sepuluh ribu dinar. Bagi asnaf yang tidak mampu berniaga disebabkan sakit kekal atau tiada kemahiran walaupun diberikan latihan bolehlah diberikan aset sebagai modal pelaburan yang dapat menampung diri dan tanggungannya serta menjadi harta pusaka”

Rumusan yang boleh diutarakan daripada pendapat di atas ialah agihan modal zakat boleh diagihkan kepada usahawan asnaf bertepatan dengan kemahiran ataupun kepakaran mereka. Antara lainnya agihan modal zakat dalam bentuk keusahawanan ini perlu diagihkan bersesuaian dengan bidang perniagaan yang diceburinya. Kajian yang telah dibuat oleh Norsidah (1999) berkaitan kecukupan saiz bantuan modal, hasil kajian menunjukkan faktor kecukupan saiz modal mempunyai hubungan yang positif dengan kejayaan sesebuah perniagaan. Manakala menurut Rohaizat (2000), berdasarkan satu kajian oleh Lussuer terhadap seratus orang usahawan Amerika Syarikat yang telah gagal dalam perniagaan mereka, faktor kekurangan modal, kos tetap yang tinggi dan kemelesetan ekonomi merupakan antara faktor utama yang menyebabkan kegagalan usahawan dalam perniagaan mereka. Ini bermakna bahawa jumlah modal yang diberikan amat penting diberi perhatian bagi memastikan kejayaan usahawan asnaf.

Bantuan modal zakat telah membawa kesan positif dan dianggap berjaya mengubah status hidup asnaf jika dinilai dari sudut maqasid al-syariah (Sanep, 2010). Namun kajian khusus ke atas perniagaan mengalami kegagalan. Rosbi (2010) yang mengkaji kejayaan perniagaan yang dijalankan oleh seramai 534 asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan modal zakat di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati bahawa antara faktor yang signifikan mempengaruhi prestasi perniagaan adalah kecukupan saiz modal, bantuan modal secara percuma, dan fleksibiliti modal. Hasil kajian menunjukkan bahawa bantuan modal secara percuma akan mempengaruhi keberangkalian golongan asnaf fakir dan miskin untuk berjaya sebanyak 0.50 dengan aras keertian 5%. Manakala faktor kecukupan modal dan fleksibiliti modal masing-masing mempengaruhi keberangkalian berjaya sebanyak 0.76 dan 0.68 pada aras keertian 1%. Ini menunjukkan bahawa faktor-faktor tersebut memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi kejayaan perniagaan golongan asnaf. Namun demikian kajian juga mendapati melalui maklumat pengkelasan modal yang ditunjukkan daripada Jadual 1, bahawa tahap kegagalan asnaf adalah tinggi.

Jadual 1 menunjukkan peruntukkan modal di antara RM1,000 hingga RM5,000, menghasilkan sebanyak sembilan peratus sahaja usahawan yang berjaya. Apabila jumlah modal meningkat maka peratus kejayaan juga meningkat. Peratus kejayaan tertinggi ialah 33.3% dengan bantuan modal antara RM10,000 - RM20,000. Peratus kejayaan ini amat rendah nilainya jika dilihat secara tepat iaitu hanyalah 25 orang sahaja fakir miskin yang berjaya melepasi had kifayah berbanding nilai sebenar bilangan asnaf seramai 534 orang yang telah mendapat bantuan modal zakat perniagaan dari pengkelasan modal tersebut.

Secara keseluruhannya dapat dilihat daripada hasil kajian bahawa hanya 6.9 peratus sahaja kejayaan dari bantuan modal zakat yang diperolehi oleh usahawan asnaf fakir dan miskin dan selebihnya 93.1 peratus menunjukkan peratus kegagalan. Peratusan ini menunjukkan tahap kegagalan usahawan asnaf fakir dan miskin yang tinggi. Ini bermakna daripada 534 usahawan asnaf fakir dan miskin yang telah dikaji hanya seramai 37 orang sahaja yang berjaya manakala 497 usahawan asnaf mengalami kegagalan. Berdasarkan kepada alasan pihak asnaf, antara punca utama kegagalan adalah disebabkan oleh faktor kekurangan modal perniagaan. Mereka tidak berupaya meneruskan perniagaan kerana keuntungan yang diperolehi tidak dapat menampung keperluan hidup mereka. Modal pusingan terpaksa digunapakai sedikit demi sedikit dan akhirnya tidak dapat dikekalkan. Akhirnya mereka terpaksa menutup perniagaan. Memandangkan kebanyakan mereka adalah usahawan yang baru memulakan perniagaan maka tentunya memerlukan modal pusingan yang agak tinggi. Tambahan pula keuntungan perniagaan akan digunakan segera untuk keperluan sara hidup.

Walaupun jumlah modal yang diberikan agak tinggi iaitu minimum RM5000 bagi pemohon pertama kali dalam perniagaan kecil-kecilan seperti penjualan air tebu, kueh mueh, pisang goreng dan tukang jahit. Tetapi harus difahami bahawa jumlah ini akan digunakan dalam segala urusan bermula dengan penyediaan aset tetap perniagaan sehinggalah kepada keperluan untuk memenuhi sara hidup sebelum perniagaan bermula dan juga selepas perniagaan baru bermula. Walaupun dalam menentukan jumlah tersebut telah dipertimbangkan banyak unsur bersesuaian dengan jenis perniagaan tetapi unsur risiko perniagaan telah tidak diambil kira. Oleh itu dirasakan bahawa jumlah modal yang disediakan dianggap sebagai masih rendah sekiranya unsur risiko dipertimbangkan. Jadi penentuan jumlah modal boleh dianggap ad-hoc dan menyebabkan kebanyakan usahawan mengalami kegagalan.

Elemen risiko amat perlu dipertimbangkan kerana usaha perniagaan adalah usaha yang amat berkait dengan risiko. Sebagaimana lazimnya, perniagaan melibatkan persoalan risiko pasaran, risiko operasi dan juga risiko kredit.

Pertimbangan yang lebih baik dan lebih menyeluruh digunakan untuk menentukan jumlah modal ialah berdasarkan konsep Keperluan Modal Minimum (Minimum Capital Requirement – MCR) dan Ratio Kecukupan Modal (Capital Adequacy Ratio- CAR) yang lazimnya digunakan oleh institusi perbankan. Ia mengambil kira risiko perniagaan dan mengukur tahap kekuatan bank dalam menghadapi risiko dan mempertahankan kecairan. Idea ini tentunya boleh disesuaikan dalam menentukan modal minimum untuk usahawan memulakan perniagaan.

Keperluan modal minimum adalah jumlah modal minimum yang diperlukan untuk memastikan sesuatu perniagaan boleh mula beroperasi. Jumlah modal minimum boleh dikira berdasarkan kaedah tertentu berdasarkan jenis perniagaan. Namun demikian lazimnya pertimbangan hanya diberi kepada aspek keperluan modal minimum untuk memulakan perniagaan tanpa memikirkan kelangsungan perniagaan. Jumlah modal minimum ini perlu dikekalkan atau dipertahankan bagi memastikan kelangsungan perniagaan.

Namun demikian bagi memastikan modal adalah mencukupi dan perniagaan dapat bertahan maka ia perlu diselaraskan dengan ratio dalam perniagaan. Oleh itu pertimbangan yang lebih wajar dalam menentukan modal minimum ialah Ratio Kecukupan Modal. Ratio Kecukupan Modal akan mengukur kekuatan sesuatu institusi perniagaan dengan mengambil kira beberapa unsur ratio dalam perniagaan.

Berdasarkan operasi perbankan, Ratio Kecukupan Modal dinyatakan seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{CAR} &= \text{Capital} / \text{Asset} \\ &= \text{Total Capital} / \text{Risk Weighted Asset} \\ &= \text{Total Capital (Tier I Capital + Tier II Capital)} / (\text{Market risk} + \text{Credit Risk} + \\ &\quad \text{Operation Risk}) \end{aligned}$$

Berdasarkan rumus di atas pengubahsuaian boleh dan perlu dilakukan dari tafsiran asal institusi perbankan bagi disesuaikan dengan jenis perniagaan yang akan diceburi. Rumus tersebut boleh digunakan sebagai asas dalam menentukan jumlah modal minimum sesuatu perniagaan. Perincian perlu dilakukan bagi mengenalpasti dengan tepat takrifan yang sesuai dengan kegiatan perniagaan bukan perbankan. Perubahan dan pentafsiran yang perlu dilakukan berdasarkan institusi perbankan agar ia menghasilkan CAR yang bersesuaian dengan perniagaan bukan perbankan. Nilai CAR yang ditetapkan ialah melebihi 10%.

Oleh itu dalam menentukan modal maka perubahan dan perincian perlu dilakukan ke atas elemen berikut bersesuaian dengan jenis perniagaan yang ingin diceburi:

- a) Jumlah Modal (Total Capital) iaitu (TI C+ TII C):
 - i) Tier I Capital (TI C): Ordinary capital + Retained earning – intangible assets
 - ii) Tier II Capital (TII C): Undisclosed Reserves + General Bad Debt Provision + Revelation Reserve

- b) Aset berpemberat risiko (Risk Weighted Asset) iaitu (CR + MR + OR):
 - i) Credit Risk (CR): standardised approach or Internal Rating Based Foundation Approach or Internal Rating Based Advanced Approach
 - ii) Market Risk (MR): Standardised Approach and Internal Model Approach
 - iii) Operation Risk (OR): Basic indicator Approach, or Standardised Approach, or Advanced Measurement Approach.

KESIMPULAN

Program pembangunan usahawan asnaf fakir dan miskin melalui bantuan modal perniagaan bagi melahirkan usahawan dari golongan asnaf merupakan satu pendekatan yang telah dilakukan oleh pihak Baitulmal memfokuskan supaya golongan asnaf ini mampu berdikari dan boleh terkeluar daripada asnaf. Walau bagaimanapun usaha murni Baitulmal ini, perlu diterokai dengan lebih terperinci agar mampu meningkatkan peratusan usahawan yang berjaya secara berkesan. Aspek peruntukan modal yang minimum perlu dititikberatkan dan dikaji dengan lebih mendalam agar modal yang diberikan cukup untuk usahawan asnaf memulakan perniagaan dan dapat meneruskan kelangsungan perusahaan sehingga berjaya.

Pihak Baitulmal perlulah mengkaji semula syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh usahawan asnaf sebelum bantuan modal zakat diagihkan. Syarat-syarat tambahan perlu diberikan kepada bakal usahawan asnaf seperti mereka perlu menghadiri beberapa kursus khas berkaitan bidang keusahawan dan kursus keagamaan yang menjurus kepada kerohanian dan keperibadian akhlak yang bersifat jujur dan amanah terhadap bantuan modal yang diberikan, agar bantuan modal yang telah diberi dapat disalurkan untuk premis perniagaan yang telah dijanjikan.

Setelah bantuan modal perniagaan diberikan, proses pemantauan yang berkala kepada golongan usahawan asnaf perlu dilakukan. Program pemantauan ini adalah merupakan satu keperluan yang tidak boleh diabaikan dan dipandang ringan dalam memastikan kejayaan asnaf dalam bidang perniagaan yang telah diceburi. Dalam masa pemantauan juga, pihak Baitulmal perlu menggalakkan usahawan asnaf ini terus mengikuti kursus-kursus bidang keusahawan supaya dapat memantapkan semangat dan kefahaman agar berupaya menghadapi cabaran yang mereka perlu lalui dalam perniagaan.

RUJUKAN

- Ahmed, Habib.2003. The Role of Islamic Financial Institutions in Financing Microenterprise: Theory and Practice, paper presented at the Forum on Islamic Economics and Finance, held in Amman Jordan, Sept 27-29, 2003.
- Ahmed, Habib.2004. Role of Zakat and Awqaf in Poverty Alleviation, Occasional paper No.8, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Kahf, Monzer.2004.Shariah and Historical Aspects of Zakat and Qwqaf“ background paper presented for Islamic Research and Training institute, Islamic Development Bank.
- Khan, M Amannullah and Shirazi S Nasim.2007. Role of Micro Credit in Poverty Alleviation: A Study with Reference to Pakistan. First National Conference on Islamic Finance. Universiti Darul Iman, Terengganu Malaysia, 21-23 Oct 2007.
- Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid.2008. Pelaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan. Dlm Abdul Ghafar Ismail et.al, Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-III 2008, anjuran Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 20-22 Ogos 2008 di Corus Paradise Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Zarqa, Muhammad Anas.1988.Islamic Distributive Schemes“ in Munawar Iqbal (Editor), Distributive Justice and Need Fulfillment in an Islamic Economy, The Islamic Foundation, Leicester , p 165-216.

JADUAL 1 : Peratusan kejayaan dan kegagalan dalam melepasi garisan had kifayah berdasarkan pengkelasan modal.

Pengkelasan Modal (RM)	Bilangan Asnaf (orang)	Bil. yang Berjaya (orang)	Bil. yang Gagal (orang)	Peratus Kejayaan (%)	Peratus Kegagalan (%)
1,000 - 3,000	155	3	152	1.9	98.1
3,001 - 5,000	311	22	289	7.1	92.9
5,001 - 10,000	47	6	41	12.8	87.2
10,001 - 20,000	12	4	8	33.3	66.7
>20000	9	2	7	22.2	77.8
JUMLAH	534	37	497	6.9	93.1